



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel. : 03-88853001
Faks : 03-88892187
E-mel : abubakar.kppa@jpa.gov.my
Web : <http://www.jpa.gov.my>



Ruj. Kami : JPA (K)(S) 193/3/19-8 (29)
Tarikh : 3 Jun 2011

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg Tan Sri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan,

SURAT AKUAN PINJAMAN/ PEMBIAYAAN PENDIDIKAN BAGI PEGAWAI YANG BERKHIDMAT DI DALAM SEKTOR AWAM

Saya dengan hormatnya menarik perhatian YBhg Tan Sri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ tuan mengenai perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman YBhg Tan Sri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ tuan, Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengaduan Awam (JKTPA) Bil. 1/2011 pada 1 Mac 2011 telah membincangkan kertas cadangan bagi mengatasi masalah kutipan bayaran balik pinjaman pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional.
3. Berhubung perkara ini, cadangan bagi mengatasi masalah kutipan bayaran balik pinjaman pendidikan di kalangan pegawai dalam sektor awam telah dikaji dan satu format surat akuan pinjaman/ pembiayaan pendidikan bagi membolehkan institusi pinjaman pendidikan mendapatkan maklumat peminjam telah disediakan. Sehubungan itu, pegawai yang pernah membuat pinjaman/ pembiayaan pendidikan dan belum melunaskannya hendaklah membuat perakuan serta melengkapkan maklumat yang dikehendaki. Ketua Jabatan

hendaklah memaklumkan dengan segera kepada peminjam dan memastikan surat akuan pinjaman/ pembiayaan pendidikan di **Lampiran A** dilengkapkan oleh peminjam yang terdiri daripada:

- (i) pegawai lantikan baru semasa melaporkan diri bertugas; dan
- (ii) pegawai sedang berkhidmat yang masih mempunyai baki pinjaman.


4. Untuk makluman YBhg Tan Sri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ tuan, perakuan peminjam merupakan sebahagian daripada aspek yang turut diambil kira bagi memenuhi kriteria pemangkuan dan kenaikan pangkat sebagaimana dinyatakan dalam surat edaran jabatan ini bil. JPA.SULIT.NP.134/1/Klt.14/(27) bertarikh 19 Julai 2007. Oleh yang demikian, kegagalan pegawai untuk membuat akuan pinjaman/ pembiayaan boleh menjejaskan kenaikan pangkat pegawai yang terlibat. Bagi pegawai yang sedang berkhidmat, mereka hendaklah melengkapkan maklumat yang dikehendaki tidak lewat daripada **30 Jun 2011**.

5. Ketua Jabatan perlu mengemukakan surat akuan pinjaman/ pembiayaan pendidikan yang telah dilengkapkan oleh peminjam kepada institusi pinjaman pendidikan yang berkenaan untuk membolehkan urusan mengemaskini maklumat peminjam, menghubungi peminjam, mengutip balik dan menguatkuasakan perjanjian pinjaman dilaksanakan oleh institusi pinjaman pendidikan dengan berkesan.

6. Kerjasama pihak YBhg Tan Sri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ tuan bagi melaksanakan tindakan ini dengan segera amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO' SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH)

SURAT AKUAN PINJAMAN / PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

.....
.....
.....
.....
.....
.....

Tarikh:.....

(Nama dan alamat institusi pinjaman pendidikan)

Tuan,

AKUAN PINJAMAN / PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa saya mengesahkan bahawa saya merupakan peminjam pinjaman atau pembiayaan pendidikan daripada pihak tuan. Maklumat berkaitan dengan diri saya adalah seperti berikut:

Nama:

No.K.P:

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Alamat pejabat:

No. telefon pejabat:

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

No. telefon bimbit:

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Alamat emel:

Alamat kediaman:

No. telefon kediaman:

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Sekian, terima kasih.

.....
()

SENARAI INSTITUSI PINJAMAN PENDIDIKAN

Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan Akuan Pinjaman Pendidikan yang dilengkapkan kepada institusi/ penaja pinjaman pendidikan yang berkenaan. Senarai institusi/ penaja pinjaman pendidikan utama di bawah agensi Kerajaan adalah seperti berikut:

1. Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 4, Blok C1, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
2. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
Bahagian Penguatkuasaan Dan Kutipan Balik
Lot. G2, Tingkat Bawah
Wisma Chase Perdana Off Jalan Semantan
Damansara Height
50490 KUALA LUMPUR
3. Majlis Amanah Rakyat (MARA)
Bahagian Kawalan Kredit
Tingkat 3
Ibu Pejabat MARA
Jalan Raja Laut
50609 KUALA LUMPUR
4. Yayasan Pelajaran Johor
No. 12A, Bangunan YPJ
Jalan Nuri, Larkin Jaya
Kg. Dato' Onn Jaafar
Karung Berkunci 711
80990 JOHOR BAHRU
5. Yayasan Terengganu
Bangunan Yayasan
Jalan Sultan Ismail
20200 KUALA TERENGGANU
6. Yayasan TM
Aras 14 (Selatan)
Menara TM
Jalan Pantai Baharu
50672 KUALA LUMPUR
7. Majlis Agama Islam Selangor
Tkt. 9 & 10 Menara Utara
Bangunan Sultan Idris Shah
40000 Shah Alam
SELANGOR
8. Pusat Pembangunan
Pendidikan Yayasan Sarawak
Jalan Sultan Tengah
Samariang
93050 KUCHING, SARAWAK
9. Yayasan Sultan Iskandar Johor
Rumah Johor, JKR 1255
Jalan Carruthers
Bukit Tunku
50480 KUALA LUMPUR
10. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
Tingkat Bawah
Bangunan KWSP
Jalan Raja Laut
50350 KUALA LUMPUR
11. Lembaga Amanah Kumpulan Wang
Basiswa / Pinjaman Pengajian Tinggi Perak
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Perak Darul Ridzuan
Bahagian Khidmat Pengurusan
Aras 3, Bangunan Perak Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 IPOH